

# Hargai nikmat Kemerdekaan

Sebagai warga Malaysia, kita bersyukur dapat menyambut ulang tahun kemerdekaan ke-63. Sambutan tahun ini agak berbeza kerana kita tidak dapat menyaksikan acara perbarisan gilang-gemilang yang memperlihatkan kemajuan dan kejayaan negara mengisi kemerdekaan.

Negara berhadapan COVID-19 memerlukan usaha berterusan memutuskan rantaian pandemik daripada terus merebak dalam masyarakat. Justeru, semua pihak perlu mempunyai rasa peduli dan prihatin terhadap 'musuh'

menyerang negara agar kita benar-benar bebas dan merdeka.

Barisan hadapan daripada pihak keselamatan, kesihatan dan pemimpin masyarakat

han ke arah pembinaan jiwa merdeka. Kita perlu bermuhasabah apakah kemerdekaan benar-benar membebaskan daripada segala kongkongan dan belenggu?

Apakah nilai kemerdekaan dinikmati hanya boleh dibanggakan apabila kita menyaksikan negara melalui fasa tertentu dalam neraca kestabilan politik, kemakmuran ekonomi, kepesatan pembangunan sosial dan kemudahan infrastruktur? Ya, tidak dinafikan perkara terbabit menjadi agenda dalam mengisi ruang kemerdekaan.

Islam menilai erti kemerdekaan daripada aspek paling asas, iaitu tauhid. Makna kemerdekaan terkandung dalam ajaran tauhid dimanifestasikan melalui lafaz syahadah, 'tiada tuhan disembah melainkan Allah.'

Daripada prinsip ini, umat yang selama ini dipasungkan jiwa dan minda, bangkit menjadi umat menguasai dan menakluki dunia.

Allah SWT berfirman: "*Allah pelindung (yang mengawal dan menolong) orang beriman. Dia mengeluarkan mereka daripada kegelapan (kufur) kepada cahaya (iman). Dan orang kafir, penolong mereka ialah taghut mengeluarkan mereka daripada cahaya (iman) kepada kegelapan (kufur). Mereka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya.*" (Al-Baqarah, ayat 257)

Jika kita mengkaji sejarah awal Islam, kita mendapati tauhid memerdekakan minda dan jiwa generasi awal Islam.

Dalam peristiwa hijrah ke Habsyah, Ja'far Abu Talib RA bersama rombongannya secara tegas menyatakan kepada Raja Najasyi: "Kami tidak menyembah selain daripada Allah."

Begitu juga Bilal Rabah RA, hamba berkulit hitam yang tegas dan berani mengungkapkan kalimah tauhid, 'Ahad! Ahad!' yang merujuk kepada Allah Yang Maha Esa, walaupun dada diletakkan batu besar.

Pendirian tauhidik memperlihatkan individu penting dalam sejarah dakwah mampu mengharungi cabaran dan deraan majikannya. Ia untuk mempertahankan keyakinan tauhid dan akhirnya mengangkat martabat keinsanan di sisi Allah SWT.

Kisah Ribiy 'Amir RA yang secara teguh mengisytiharkan kepada Raja Rustum dari Parsi dalam misi dakwahnya turut mewarnai babak penting seperti kata-katanya: "Kami ialah pembawa misi Ilahi untuk membebaskan manusia daripada pengabdian sesama manusia kepada pengabdian hanya kepada Allah semata-mata."

Ini sebahagian contoh wira Islam benar-benar bangun memerdekakan diri daripada pasungan kesesatan kepercayaan menyimpang daripada ajaran Allah SWT.

Mereka berdiri di atas paksi tauhid bagi mempamerkan jati diri mereka sebagai insan merdeka daripada sudut jiwa dan minda.

Dalam konteks sejarah perjuangan umat Melayu, sinar

tauhid menerangi wilayah ini dengan kedatangan Islam sejak abad ke-15 lagi. Islam membebaskan bangsa Melayu daripada jiwa hamba menuju jiwa merdeka dan daripada semangat animisme kepada jiwa tauhid.

Akhirnya, umat Melayu dapat menterjemahkan nilai dan jiwa merdeka dalam pelbagai peristiwa terutama dalam kebangkitan antipenjajah.

Ia penterjemahan langsung jiwa merdeka bangsa Melayu yang tidak menerima sebarang bentuk dan sifat penjajahan.

Lahir pejuang menentang penjajah seperti Tok Janggut dan Datuk Bahaman yang tidak jemu-jemu meniupkan semangat pembentukan dan pembinaan jiwa merdeka.

Di samping itu, ada yang menyemarakkan semangat dengan lafaz keramat 'atas robohan kota Melaka, kita bina jiwa merdeka.'

Kesan pembentukan jiwa merdeka, ia memotivasi umat untuk hidup lebih bertamadun, berdaya saing, membina rangkaian persaudaraan lebih luas, mempunyai sikap peduli dan keprihatinan tinggi terhadap perkara melingkari kehidupan.

Jiwa merdeka dapat membebaskan umat daripada tempurung kejahilan kepada sinar ilmu pengetahuan dan maklumat.

Ia dapat membangun minda hingga mampu berkarya dan berinovasi setanding bangsa lain. Jiwa merdeka boleh melahirkan umat kaya cita-cita dan usaha. Mereka faham

dan mengerti apa diperlukan tanpa dikerah.

Penjajahan ialah halangan dan dugaan dalam menterjemahkan impian mana-mana bangsa. Jika kemerdekaan luput dalam genggamannya, luputlah maruah bangsa. Sekali kita merdeka, kita perlu mempertahankannya.

Namun, timbul kebimbangan terhadap kemungkinan dijajah kembali. Penjajahan dalam bentuk fizikal seperti dahulu tidak mungkin berlaku, tetapi penjajahan dalam bentuk baharu boleh terjadi apabila kita tidak peduli dan prihatin tanggungjawab sebagai warganegara seperti penjajahan ekonomi, budaya dan politik.

Barangkali inilah disifatkan Dr Yusuf al-Qardawi dalam Ummatuna Bayna Qarnaini sebagai kemerdekaan belum sempurna walaupun tarikh dan ulang tahun kemerdekaan sudah diisytiharkan dan dikedah.

Tanpa jiwa merdeka, umat tidak akan berdaya mencipta kecemerlangan. Wawasan mencapai negara maju akan hanya tinggal impian sekiranya tidak dimulakan dengan pembinaan kualiti jiwa merdeka. Marilah kita menjadi warga prihatin kepada setiap jujuk lingkungan dalam merealisasikan kemerdekaan jiwa.

**Penulis** adalah Pensyarah Kanan, Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia



Dr Zulkefli Aini

bertungkus-lumus memastikan negara boleh keluar daripada zon 'peperangan' COVID-19.

Namun, ia tidak menghalang kita mengimbuai sejarah pejuang membebaskan tanah air daripada belenggu penjajah seperti Portugis, Belanda, Jepun dan Inggeris. Sejarah itu menjadikan kita semakin matang dan sedar terhadap erti kemerdekaan.

Ia lambang maruah jati diri bangsa dan tanah air. Di samping itu, perkara penting boleh diberi perhatian ialah keupayaan mengambil pengajaran dan melakukan peruba-